

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

SAP300 - Kaedah-Kaedah Penyelidikan Tinjauan dan Kajian Luar

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**BAHAGIAN A** (**WAJIB** dijawab) - Soalan Esei

1. Rangkakan satu cadangan penyelidikan sosial tentang masalah menghisap rokok di antara kalangan remaja di Pulau Pinang. Bincang tentang proses penyelidikan (jenis dan rekabentuk penyelidikan, hipotesis, persampelan, dan lain-lain).

[50 markah]

**BAHAGIAN B** (Jawab **SATU** soalan sahaja) - Soalan Esei

2. Dalam kursus SAP300, para pelajar diminta mengenalpasti pendapat pelajar kaum wanita terhadap "penyusuan ibu" (breast-feeding). Sekumpulan pelajar lelaki menggunakan kaedah kajian temubual dan menemubual 36 pelajar wanita tahun pertama di kampus induk Universiti Sains Malaysia (USM) tentang "penyusuan ibu". Salah satu penemuan penting ialah bahawa 70% daripada responden menyokong tentang "penyusuan ibu" jika mereka ada anak.

Beri komen anda tentang:

- (a) Kebaikan dan kelemahan kajian temubual di dalam konteks ini.
- (b) Apakah jenis-jenis kajian temubual yang boleh digunakan dalam konteks ini?

...2/-

[SAP 300]

- (c) Beri komen anda tentang keboleharapan (reliability) penemuan kumpulan pelajar lelaki ini.
- (d) Beri komen anda tentang saiz dan jenis persampelan yang digunakan untuk kajian ini.

[25 markah]

3. Anda diberi tugas untuk mengkaji tingkahlaku dan cara hidup satu golongan Orang Asli di pedalaman negeri Sarawak. Andaikan bahawa kajian ini dibiayai penuh oleh kerajaan negeri Sarawak.

- (a) Cadangkan dan bincangkan kaedah penyelidikan yang paling sesuai untuk menjalankan kajian ini.
- (b) Bincangkan kebaikan dan kelemahan kaedah yang dicadangkan.
- (c) Wujudkah masalah-masalah etika dalam kajian seperti ini?
- (d) Bolehkah kita menggunakan soalselidik melalui pos untuk kajian ini? Bincangkan.

[25 markah]

**BAHAGIAN C** (Jawab **SATU** soalan sahaja) - Soalan Esei

4. Kaedah persampelan boleh dikelaskan kepada dua iaitu yang menghasilkan sampel probabiliti dan sampel bukan probabiliti. Bincangkan jenis-jenis sampel probabiliti dan sampel bukan probabiliti.

[25 markah]

5. (i) Apakah itu kesahihan (validity) dan keboleharapan (reliability)?
- (ii) Bincangkan tentang ciri-ciri kesahihan dan keboleharapan.

[25 markah]

-- oo o0o oo --